No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld. 2 (11)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 11 TAHUN 2012

PENAMBAHBAIKAN SKIM JURUTERA PROFESIONAL DAN SKIM SANGKUT INDUSTRI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Pejabat Pendaftar
22 November 2012

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld.2 (11) 22 November 2012

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2012

PENAMBAHBAIKAN SKIM JURUTERA PROFESIONAL DAN SKIM SANGKUT INDUSTRI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Penambahbaikan Skim Jurutera Profesional dan Skim Sangkut Industri Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Skim Jurutera Profesional direalisasikan pada tahun 2010 melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 40 Tahun 2010. Di antara objektif skim ini adalah untuk meningkatkan bilangan staf akademik yang mempunyai kelayakan Jurutera Profesional (Ir.)

2.2 Objektif ini juga menyokong Pelan Strategik Universiti untuk mendapat pengiktirafan program kejuruteraan daripada *Engineering Accreditation Council Malaysia (EAC)* dengan menggalakkan staf untuk mendapat status Jurutera Profesional.

2.3 Selain itu, skim ini juga akan memberi kemudahan dari segi fleksibiliti masa dan elaun kepada staf akademik yang terlibat. Dengan menawarkan skim yang inovatif secara langsung akan menarik minat staf akademik untuk mendapatkan status Jurutera Profesional.

2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3/2012 yang diadakan pada 31 Mei 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi UTeM Bilangan 2/2012 yang diadakan pada 12 Oktober 2012 telah bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan yang telah diperakukan dengan pindaan untuk diguna pakai di Universiti ini.

3.0 PENAMBAHBAIKAN SKIM JURUTERA PROFESIONAL DAN SKIM SANGKUT INDUSTRI

3.1 Penambahbaikan Skim Jurutera Profesional dan Skim Sangkut Industri adalah seperti berikut:-

BIL	SYARAT / KEMUDAHAN	KRITERIA SEMASA	PENAMBAHBAIKAN YANG DICADANGKAN
1.	Saguhati kepada staf yang berjaya mendapat status Jurutera Profesional (Ir.) dan yang telah mendapat status Ir.	Tiada	Selepas mendapat pengiktirafan Ir. : **RM5,000**
2.	Had umur untuk mengikuti Skim ini	Tidak melebihi 45 tahun	Had umur dimansuhkan
3.	Kelayakan memohon Skim Jurutera Profesional	Berjawatan tetap dan telah disahkan jawatan	Terbuka kepada staf akademik yang berjawatan tetap termasuk staf sedang cuti belajar (*pengesahan jawatan dimansuhkan*)
4.	Elaun perjalanan menghadiri kursus	Maks. : RM2,500	Maks. : RM4,000
5.	Elaun sara hidup bagi staf yang mengikuti Skim Sangkut Industri dinaikkan.	**Kawasan A :** RM900 **Kawasan B :** RM800	**Kawasan A :** RM1,200 **Kawasan B :** RM1,000
6.	Perjanjian mengikuti Skim Jurutera Profesional	Mempunyai ikatan perkhidmatan	Tiada ikatan perjanjian perkhimatan
7.	Mewujudkan jawatankuasa pemantau bagi meningkatkan bilangan staf berstatus Ir.	Tiada	Jawatankuasa Pemantauan Jurutera Profesional

3.2 Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran ini tidak berubah dan masih terpakai di peringkat Universiti.

4.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini perlu dibaca bersama dengan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 40 Tahun 2010 yang telah dikeluarkan pada 20 Oktober 2010.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh ia diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3/2012 iaitu pada 31 Mei 2012.

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
/ukp